IBRAH REHLAH NABAWIYYAH

PENGAJARAN DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SAW

KELAHIRAN NABI MUHAMMAD SAW

1. *"Cukuplah Allah yang menjadi saksi."* (Surah al-Nisa': 79) Kuasa Allah SWT mengatasai segalanya.
2. Kemuliaan baginda bermula dari keturunan nenek moyangnya.
3. Kelahiran baginda disambut dengan penuh kesyukuran.
4. Saidatina Aminah seorang wanita yang kuat & berwibawa.
5. Doa Nabi Ibrahim AS untuk amalan ibu bapa , *"Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami ini orang yang patuh dan berserah diri kepada-Mu, dan jadikanlah dalam kalangan kami umat yang patuh dan berserah diri kepada-Mu."* (Surah al-Baqarah: 129)

PERKAMPUNGAN BANI SA'AD

1. Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam bermula sejak dari alam rahim, bahkan sebelum berumah tangga. Ibubapa perlu mempersiapkan diri dengan ilmu.
2. Setiap pasangan harus percaya dengan rezeki dan keberkahan Rasulullah SAW.
3. Pendidikan anak-anak harus disulami dengan konsep tawakkal dan ikhtiar.
4. Ibu bapa perlu berusaha menunaikan hak anak, iaitu penyusuan selama dua tahun jika mampu.
5. Pembelahan dada Rasulullah SAW ini merupakan persiapan rohani yang hanya Allah yang Maha Mengetahui akan hikmahnya. Hati manusia perlu dibersihkan dengan keimanan dan ketakwaan kepada Allah.



Dapatkan perincian lanjut dalam buku
Rehlah Nabawiyyah: Perjalanan Hidup Rasulullah SAW

REHLAH NABAWIYYAH

IBRAH REHLAH NABAWIYYAH

PENGAJARAN DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SAW

PERDAGANGAN

1. Sikap amanah dan jujur dalam menggalas tanggungjawab adalah sikap terpuji yang disukai.
2. Perdagangan atau perniagaan merupakan salah satu bentuk sunnah Rasulullah SAW.
3. 99% rezeki adalah hasil daripada aktiviti perniagaan atau perdagangan yang dijalankan.
4. Rezeki yang halal dan *toyyib* membawa kepada keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.
5. Perdagangan menjalinkan hubungan sesama manusia mengira agama.

GUA HIRA'

1. Tempat penyaksian penurunan wahyu pertama Rasulullah SAW.
2. Terbukti kesetiaan dan kepercayaan seorang isteri terhadap suaminya seperti Saidatina Khadijah dengan Nabi Muhammad SAW.
3. Peristiwa yang membawa kepada permulaan sinar dan cahaya Islam.
4. Menuntut ilmu tidak pernah mengenal usia dan tidak mengira tempat.
5. Membaca menjadi satu dasar dan asbab bertambahnya ilmu pengetahuan.

RUMAH RASULULLAH SAW

1. Perkahwinan merupakan sunnah Rasulullah SAW.
2. Institusi perkahwinan dapat melahirkan generasi dan keturunan Muslim yang baik.
3. Melindungi diri daripada perbuatan zina seperti menjaga pandangan dan kehormatan diri.
4. Keluarga harmoni yang berlandaskan ajaran Islam sangat dituntut dalam Islam.
5. Keperibadian Rasulullah SAW yang adil dan amanah terhadap isteri-isterinya perlu dicontohi dalam mengekalkan kesejahteraan keluarga.



Dapatkan perincian lanjut dalam buku
Rehlah Nabawiyyah: Perjalanan Hidup Rasulullah SAW

IBRAH REHLAH NABAWIYYAH

PENGAJARAN DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SAW

ISRAK DAN MIKRAJ

1. Mukjizat terbesar yang berlaku terhadap Rasulullah SAW.
2. Bermulanya solat fardu lima waktu terhadap umat Islam.
3. Betapa sayang dan cintanya Rasulullah SAW terhadap umatnya sehingga sanggup bersusah payah meminta pengurangan waktu solat daripada Allah SWT.
4. Peristiwa ini merupakan ujian buat manusia sama ada meyakini dengan kebesaran Allah SWT atau sebaliknya.
5. Segala kejadian yang ditunjukkan kepada Rasulullah SAW mengingatkan manusia supaya menjauhi perkara yang mungkar dan maksiat.

HIJRAH KE MADINAH

1. Ikhlas dalam ibadah menjadi pemangkin utama bagi memperoleh keredhaan Allah SWT.
2. Memiliki ketabahan dan kecekalan yang tinggi dalam meneruskan dakwah walaupun mendapat tentangan yang dahsyat.
3. Semangat setia kawan yang tinggi ditonjolkan oleh Sayidina Abu Bakar RA apabila beliau menjadi peneman baginda sepanjang hijrah.
4. Perancangan dan strategi yang bijak serta tersusun adalah kunci kejayaan hijrah Rasulullah SAW.
5. Konsep tawakkal seperti yakin dengan pertolongan Allah SWT serta sikap juang yang tinggi adalah pendorong utama dalam hijrah baginda.

PEMBINAAN MASJID QUBA'

1. Masjid dibina atas dasar takwa dan prinsip yang mendasari kepada pembinaan institusi masjid adalah prinsip 'ubudiyyah iaitu pengabdian kepada Allah SWT.
2. Quba' adalah masjid pertama yang dibina dalam Islam.
3. Masjid mempunyai dua makna, umum dan khusus. Masjid secara umum adalah semua tempat yang digunakan untuk sujud. Makna khusus pula tempat atau bangunan yang dibangunkan khusus
4. Kesungguhan dan kegigihan Nabi Muhammad SAW menjadi teras dasar kepada kejayaan pembinaan masjid ini dalam tempoh masa yang singkat.



Dapatkan perincian lanjut dalam buku
Rehlah Nabawiyyah: Perjalanan Hidup Rasulullah SAW

IBRAH REHLAH NABAWIYYAH

PENGAJARAN DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SAW

PERANG BADAR AL-KUBRA

1. Tentera Muslim meletakkan pergantungan yang tinggi terhadap Allah SWT kerana jumlah mereka lebih kecil berbanding musuh.
2. Penerangan Perang Badar: Doa dan munajat hanya kepada Allah, pentingnya kesatuan antara sahabat dan strategi perancangan yang rapi.
3. Sikap Ansar dan Muhajirin perlu dijadikan contoh. Mereka mentaati arahan Rasulullah SAW bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.
4. Doa Rasulullah SAW dengan sebenar-benar pengharapan kepada Allah SWT ketika Perang Badar, *"Ya Allah, aku menagih janji dan jaminan-Mu. Ya Allah, jika Kamu binasakan kelompok ini (pejuang mukmin), Kamu tidak akan disembah lagi di muka bumi."*

PERANG UHUD

1. Pentingnya mentaati perintah Allah dan Rasul-Nya, selain patuh kepada arahan pemimpin yang dilantik.
2. Sifat tamak kepada habuan dunia seperti harta rampasan perang hanya akan membawa kepada kegagalan dan kekalahan.
3. Sabar menghadapi segala cabaran sepanjang berjuang di jalan Allah SWT.
4. Perancangan strategi yang baik menjadi asas kepada kemenangan.
5. Kesepakatan dalam mengikut strategi & mendengar arahan ketua merupakan kekuatan Islam.

PERANG KHANDAQ/AHZAB

1. Syura penting dalam proses mencari penyelesaian masalah dan mengajar manusia untuk bersikap terbuka dalam menerima cadangan.
2. Mencontohi sifat kepimpinan Rasulullah SAW yang turut sama merasai penderitaan para sahabat dalam membuat persiapan perang.
3. Penglibatan golongan wanita dalam peperangan turut menyumbang kepada kemenangan umat Islam.
4. Doa merupakan senjata utama bagi seluruh umat Islam dalam apa jua keadaan.
5. Pergantungan kepada Allah SWT dengan zikir, *"Cukuplah Allah untuk (menolong) kami, dan Dia adalah sebaik-baik Pengurus."* (Surah Ali 'Imran: 173)



Dapatkan perincian lanjut dalam buku
Rehlah Nabawiyyah: Perjalanan Hidup Rasulullah SAW

REHLAH NABAWIYYAH

IBRAH REHLAH NABAWIYYAH

PENGAJARAN DARIPADA KEHIDUPAN RASULULLAH SAW

MASJID AL-NABAWI

1. Masjid mempunyai dua makna, umum dan khusus. Masjid secara umum adalah semua tempat yang digunakan untuk sujud. Makna khusus pula tempat atau bangunan yang dibangunkan khusus untuk menjalankan ibadah, terutama solat berjemaah.
2. Wanita dan lelaki memainkan peranan dalam memakmurkan masjid. Lelaki lazimnya terlibat dalam pengurusan masjid dan aktiviti dakwah, manakala wanita pula menyumbang dalam kelas pengajian, program kebajikan, serta pendidikan anak-anak dan keluarga.
3. Masjid menjadi institusi penting sebagai pusat pemerintahan dan pembangunan masyarakat.
4. Madinah al-Munawwarah diisytiharkan sebagai negara Islam yang pertama.

KEWAFATAN NABI MUHAMMAD SAW

1. Ajaran Islam yang telah dibawa oleh Nabi Muhammad SAW perlu diteruskan dan disebarkan kepada seluruh umat manusia.
2. Sunnah Rasulullah SAW perlu diterapkan dalam kehidupan seharian mukmin.
3. Keperibadian dan akhlak Rasulullah SAW yang syumul harus dijadikan pedoman bagi membentuk ummah wasatiyyah.
4. Pesanan dalam khutbah terakhir baginda adalah salah satu bukti kecintaan baginda terhadap umatnya.
5. Ajaran al-Qur'an dan al-Sunnah perlu dijadikan pedoman hidup mukmin.



Dapatkan perincian lanjut dalam buku
Rehlah Nabawiyyah: Perjalanan Hidup Rasulullah SAW